

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 May 2015

Kemelut Najib-Dr. M: Yang untung siapa?

UTUSAN: Sebagai orang lama UMNO, bagaimana Tan Sri melihat kemelut antara Dr. Mahathir dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika ini.

DR. RAIS YATIM: Saya lihat masalah dan kemelut yang dihadapi oleh Perdana Menteri kita dicetuskan oleh orang dalam sistem kita sendiri. Ertinya, kritikan itu muncul daripada lingkungan pemimpin UMNO kebanyakannya. Dan diketuai oleh Tun Dr. Mahathir (Mohamad).

Masalah tentang IMDB dan juga membelanjakan duit Tabung Haji sudah dijawab oleh beliau dan setakat beliau sebagai Perdana Menteri, ia memadai setakat ini. Tinggal lagi, beliau dituntut untuk meletak jawatan atau berundur sebagai Perdana Menteri. Ini tidak boleh diperseutujui UMNO dan UMNO sebulat suara menyokong beliau. Cuma di belakang falsafah ini harus dibalkan di dalam pemikiran orang Melayu amnya dan pemimpin UMNO khususnya, iaitu bukanlah suatu pendekatan Melayu untuk menjatuhkan air muka seseorang pemimpin dengan menyuruh dia berhenti di khalayak ramai dan 'digongkan'.

Dari segi budaya ini tak betul. Ia harus lebih mirip kepada budaya 'menarik rambut dalam tepung, rambut dapat ditarik, tepung tidak tersebar'.

Jadi, kalau ada desakan supaya PM letak jawatan, itu harus ditolak?

RAIS: Ya, itu mesti kita tolak sebab lunasnya seseorang Perdana Menteri jika hendak berundur mesti mengikut fasal dalam Perlembagaan. Beliau dilantik di bawah perkara 43 dan mesti ada undi tidak percaya di Parlimen jika hendak menurunkannya. Begitu pun UMNO juga memainkan peranan. Oleh kerana UMNO tidak ada membuat gesaan seperti itu dan Parlimen tidak ada juga gesaan serupa, maka apa yang digesa oleh Dr. Mahathir *out of order*. Jadi, di situ barangkali sahabat lama yang baharu terasa. Haji Hadi (Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang) punya komen (mempertahankan Najib, minta beliau tidak letak jawatan) itu pun relevan. Kita harus berterima kasih kepada



DR. MAHATHIR MOHAMAD

Kalau dilayan gesaan seperti ini (Najib diminta letak jawatan), maka dunia yang dibina sendiri oleh Dr. Mahathir juga akan runtuh sebab setiap pemimpin itu ada kelemahannya, ada kelebihanannya."

Haji Hadi kerana mengeluarkan pandangan yang ala Islam ala Melayu. Iktu mana pun kalaulah kata Datuk Seri Najib terasa kecil hati dan letak jawatan, parah juga akibatnya pada sistem dan orang Melayu ini. Orang Melayu susah juga sebab tidak pernah dalam sejarah hal itu berlaku.

Jadi, dulu saya faham Dr. Mahathir menyuruh Tunku Abdul Rahman letak jawatan melalui surat terbuka. Beliau kemudian suruh Pak Lah (Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi) berhenti, kemudian Najib (diminta) berhenti. Trend ini saya fikir cukuplah. Kalau tak betul mana-mana, kita kritik. Ini bukan bermakna kita tak kasih pada Tun ya, kita sayang pada dia, tetapi kita lebih menghargai keutuhan politik Melayu itu. Ia dalam satu

MUKADIMAH PENASIHAT Sosio Budaya Kerajaan, Tan Sri Dr. Rais Yatim, 73, mengakui bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, 90, seorang yang berpengaruh. Kata-kata Dr. Mahathir diikuti banyak orang.

"Cuma, kita mesti kembali kepada budaya Melayu dan Islam. Dalam mendesak seseorang Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak, 62.) berundur, tidak boleh dilakukan dengan cara menjatuhkan air muka di khalayak ramai. Ia salah di sisi budaya dan agama.

"Tanpa gesaan Dr. Mahathir, keadaan tidak menjadi seperti sekarang.

"Saya harap Dr. Mahathir tidak kecil hati, kita akan sentiasa menilai beliau. Oleh kerana beliau berterus-terang, kita juga perlu berterus-terang," kata Rais kepada wartawan *Utusan Malaysia* **ZULKIFLI JALIL** di Kuala Lumpur semalam.

Rais yang berpengalaman luas dalam parti dan kerajaan, pernah bekerja dengan semua Perdana Menteri.

arena yang sudah dibina secara konvensional dan dalam sejarah UMNO pun tidak pernah seseorang bekas Perdana Menteri menyuruh Perdana Menteri lain turun takhta. Di England pun sama tidak pernah berlaku hal ini.

Kalau gesaan ini dilayan, apa yang boleh terjadi?

RAIS: Kalau dilayan gesaan seperti ini (Najib diminta letak jawatan), maka dunia yang dibina sendiri oleh Dr. Mahathir juga akan runtuh sebab setiap pemimpin itu ada kelemahannya, ada kelebihanannya. Jadi, kalau hal-hal ini berbangkit, maka warna kepimpinan dalam dunia Melayu nampak pudar, nampak jatuh sedangkan tidak semestinya begitu.

'Dunia yang dibina Dr. Mahathir boleh runtuh', apa maksudnya?

RAIS: Sebabnya dunia yang beliau bina selama 22 tahun (sebagai Perdana Menteri) bukan tanpa keretakan, bukan tanpa masalah. Dunia terhadap Raja Melayu, kepentingan bahasa Melayu, dunia tentang budaya Melayu, dunia tentang hal-hal berhubung dengan Perwaja, ini orang pun akan sudip, dan sebanyak sedikit akan melemahkan suatu gambaran bahawa masa beliau juga, bumi ini dihujani dan gading itu ada retak. Tetapi mungkin tidak seperti sekarang, tapi cara yang lain. Dan harus lihat juga tentang sudut

UM - 14/5/2015



NAJIB TUN RAZAK

Siapa yang akan dapat untung daripada kemelut ini?

RAIS: Yang akan untung adalah musuh kita yang tidak suka akan kepimpinan Islam dan Melayu. Dan kemudian muncul sebagai juara di negara ini. Tetapi setakat ini 'mereka' ini tidaklah seghairah orang Melayu sendiri atau seghairah Tun. Cuma peliknya, saya tidak pernah dengar pula Lim Kit Siang (Penasihat DAP) bernia nak menurunkan Datuk Seri Najib. Ataupun ini menjadi tanda tanya kepada saya bahawa ini tidak boleh dilakukan.

Jadi, Dr. Mahathir perlu dibawa balik bersama?

RAIS: Ya, bawa balik, bawa Dr. Mahathir dan ajak beliau minum kopi pahit.


Cuma, saya bercakap hal ini dalam konteks pembudayaan di luar. Saya menjangka kalau cerita (temu bual) ini keluar (diarkannya), Dr. Mahathir tidak akan kecil hati. Beliau barangkali akan rasa bahawa

kita mesti menyumbang kepada kepimpinan negara menerusi kaca mata orang Melayu dan masyarakat majmuk.

Apa harapan Tan Sri kepada Perdana Menteri?

RAIS: Selepas ini, mungkin kita juga kena fikir cara-cara Perdana Menteri bertindak itu. Mungkin minta beliau tunjuk bahawa kita mahu berjinat cermat. Kita perbetulkan balik kesilapan IMDB dan menerusi alasan-alasan laporan atau menerusi lunas undang-undang. Ketiga, tentang Tabung Haji, dengarkan suara pendeposit apa yang harus kita dengar.

Seterusnya, mungkin juga Perdana Menteri hendak fikirkan tentang orang rapat di sekeliling beliau yang menasihati beliau secara diam-diam, tetapi mempunyai beberapa kepentingan lain. Ini saya nak berterus terang. Sebagai Penasihat Sosio Budaya tidak ada guna kalau kita buat kerja, tidak berbuat benda ini. Mesti tahu hak itu, saya percaya Datuk Seri Perdana Menteri akan buat pembaharuan ini, termasuklah apa-apa sebutan yang melibatkan keberibadian beliau dan lain-lain.



RAIS YATIM

Seterusnya, mungkin juga Perdana Menteri hendak fikirkan tentang orang rapat di sekeliling beliau yang menasihati beliau secara diam-diam, tetapi mempunyai beberapa kepentingan lain."